

KE KELIRUAN
DALAM BIDANG ILMU
HADITH

MAULANA HUSSIEN ABDUL KADIR AL-YUSUFI

KEKELIRUAN

DALAM BIDANG ILMU

HADITH

Cetakan Pertama.....2017

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Susunan:
Bahagian Fatwa
<http://mufti.penang.gov.my>

Diterbitkan oleh:



Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.
Tel: 04-263 2975 Faks: 263 2985



NASKAH PERCUMA

KEKELIRUAN DALAM BIDANG ILMU HADITH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Umat Islam kini sedang menghadapi pelbagai bahaya dalam bab akidah dan amalan termasuklah ancaman *Wahabiah Salafiah Hanabilah Mujassimah* yang sering meninggikan slogan yang mengikuti al-Quran dan al-Hadith tanpa menuruti pandangan mana-mana imam mazhab di atas alasan-alasan seperti berikut:

- 1) Menyulitkan umat Islam untuk mengamalkan agama dengan mudah.
- 2) Memecah-belahkan umat Islam dengan fahaman-fahaman mereka.
- 3) Memesongkan umat Islam dari landasan asal yang dikehendaki oleh al-Quran dan al-Hadith.
- 4) Menjauhkan umat Islam dari mengikuti cara Rasulullah yang sebenar melalui perselisihan yang mengada-ngadakan di antara mereka.

Mereka sering menyuarakan bahawa mengapakah imam-imam mujtahidin ini berselisihan antara satu sama lain sedangkan mereka semua sama-sama mengambil dalil dari al-Quran, sabdaan-sabdaan dan perbuatan-perbuatan Rasulullah SAW. Sebahagian daripada kumpulan mereka makin berani dan berkata bahawa kenapa Rasulullah SAW tidak bersabda satu perkara sahaja. Sesekali beliau bersabda dengan satu perkara dan sekali lagi beliau bersabda dengan perkara lain. Mengikut mereka, inilah punca imam-imam itu menjadi berlainan pendapat.

Sebenarnya mereka tidak memahami hal yang sebenar. Mereka hanya memandang kepada makna zahir dan tidak mampu untuk meneliti punca perselisihan sebenar. Ilmu mereka terhad setakat terjemahan zahir al-Quran dan al-Hadith sahaja. Oleh itu pihak kami di sini ingin memberi penjelasan supaya mereka tidak menjadi biadap terhadap Rasulullah SAW dan tidak mengkritik sahabat, tabi'in dan imam-imam mujtahidin tanpa rasa malu.

Imam-imam mujtahidin bukannya pengubah maksud sebenar al-Quran dan al-Hadith. Mereka merupakan penerang (*mubaiyin*) dan penghurai (*musyarrih*) al-Quran dan al-Hadith, iaitu ulama' muktabar yang penolong bagi memberi penerangan serta menghuraikan maksud-maksud yang sulit yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Mereka bukan musuh kita bahkan kita terutang budi dengan mereka di atas jasa-jasa baik mereka bagi memperjelaskan perselisihan riwayat-riwayat, *athar* sahabat dan tabi'in.

Mereka sering mempertikaikan hadith *dhaif* sehingga mereka menganggap bahawa beramat dengan hadith *dhaif* adalah perkara mungkar dan ia adalah hadith yang dusta. Hadith *dhaif* ini hanya tidak memenuhi syarat-syarat hadith sahih dan

hasan. Pengertian ini tidak membawa maksud bahawa tidak boleh beramal dengan hadith *dhaif*.

Mereka gemar memaudhu'kan hadith-hadith *hasan* dan hadith-hadith *dhaif* yang sudah naik ke darjat *hasan lighairihi* dan layak beramal dengannya serta boleh berhujah dalam hukum hakam.

Mereka keliru dalam bidang ilmu hadith. Mereka tidak mampu mengekalkan ilmu hadith di tahap yang diingini oleh *muhaddithin* muktabar. Bahkan mereka porak perandakan ilmu hadith melalui fahaman-fahaman mereka yang kurang sempurna dalam bidang ilmu hadith. Mereka berlumba-lumba untuk mengeluarkan hukum dan fatwa dalam masalah feqah seakan-akan mereka ini fuqaha'. Mereka menghukum pula hadith ini sahih dan hadith itu *maudhu'* seolah-olah mereka lahir *muhaddithin* mengatasi ilmu *muhaddithin* terdahulu dan seterusnya mereka menjadi mujtahid moden segera dalam bidang hadith dan bidang ijtihad.

Mereka menampilkan diri di kalangan masyarakat umat Islam seolah-olah mereka sahajalah yang layak membuat keputusan berkaitan kedudukan hadith dan menentukan hukum hakam.

Ekoran dari itu berlaku perkara-perkara berikut:

- 1) Banyak hadith yang layak beramal dan berhujjah dengannya disingkir dan seterusnya amalan-amalan yang disahkan boleh beramal berdasarkan hadith-hadith *hasan* dan hadith-hadith *hasan lighairihi* dianggap *bid'ah* *dalalah* lagi sesat dan dihukum masuk neraka.
- 2) Menyebar luas fitnah-fitnah dan menyalahkan para *fuqaha' mujtahidin* yang mengeluarkan hukum hakam daripada hadith-hadith yang mana mereka sahaja yang menganggapnya sebagai hadith *maudhu'*.

Kesemua ini berlaku berpunca dari kesempitan ilmu hadith dan mereka mengambil penentuan kedudukan hadith sebagai *maudhu'* hanya daripada individu *muhaddith* tertentu sahaja, yang terlalu keras dalam menentukan hadith sebagai *maudhu'* dan tidak dengan mengambil kira penentuan darjat hadith oleh *muhaddithin* yang mempunyai sikap yang sederhana dalam bidang menentukan hadith sebagai *maudhu'*.

- 3) Mereka keliru dan kurang memahami dengan kaedah-kaedah usul hadith dan tidak mendalamai kajian terhadap usul-usul yang disepakati oleh jumur *muhaddithin*.

Mereka keliru dalam bab hadith *dhaif* dan menganggap hadith *dhaif* sebagai barang buangan serta langsung tidak boleh diamalkan dalam agama Islam. Perkara ini sebenarnya bukanlah seperti yang disangkakan.

Al-Hafiz Ibnu Solah telah mentakrifkan hadith *dhaif* dengan katanya bahawa: "setiap hadith yang tidak mencukupi syarat-syarat hadith sahih dan tidak juga mencukupi syarat-syarat hadith *hasan*, maka itulah hadith *dhaif*".

(تَبَرِّيْبُ الْمَاروِيْقِ: 139)

Para ulama' telah berselisih pendapat pada keharusan beramal dengan hadith *dhaif* kepada tiga pendapat, iaitu:-

Pendapat Pertama:

Tidak boleh beramal dengannya semata-mata, sama ada pada hukum-hakam atau *fadhai* amal dan kelebihan seseorang atau sesuatu. Ini adalah pendapat Ibnu Arabi al-Maliki. Sesetengah karangan memasukkan Imam al-Bukhari, Imam Muslim dan Ibnu Taimiyah di dalam golongan pertama ini.

ULASAN:

- 1) Timbul kemosykilan memasukkan Imam al-Bukhari dalam golongan pertama kerana telah diketahui bahawa Imam al-Bukhari telah memuatkan hadith-hadith *dhaif* di dalam kitabnya *Al-Adab al-Mufrad*. Oleh kerana itu, bagaimana boleh diterima dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan Imam Bukhari tidak memberarkan beramal dengan hadith *dhaif*. (وطبيعة الحديث الصنفية: 35)
- 2) Begitu juga Imam al-Bukhari memasukkan hadith-hadith yang dikritik sebagai *dhaif* dalam kitab saihnya sebagai tajuk ataupun sebagai hadith "*Mutaba'ah*" (hadith yang dijadikan sokongan bagi hadith-hadith sahih).
- 3) Tersebut dalam mukadimah kitab Sahih Muslim, Imam Muslim ada menyatakan bahawa hadith *dhaif* tidak boleh diamalkan pada *fadhai* amal, menggemarkan dan menakutkan sesuatu perkara adalah hanya sebagai syarat untuk memuatkan hadith-hadith sahih di dalam kitab saihnya. Oleh itu, memasukkan beliau di dalam golongan pertama ini adalah suatu kesilapan besar.
- 4) Imam Muslim ada memuatkan hadith-hadith yang diriwayat oleh Ibnu Ishaq yang dituduh dengan *dhaif* oleh sesetengah *muhaddithin*. Riwayat Ibnu Ishaq

tersebut dimuatkan oleh Imam Muslim dalam saihih beliau sebagai hadith 'Mutaba'ah' (hadith yang menyokong hadith-hadith saihih yang diutarakan). Ini menunjukkan bahawa beliau beramal dengan riwayat-riwayat *dhaif* dalam *fadhill*, menggemar dan menakuti sesuatu perkara itu.

- 5) Ibnu Taimiyah memasukkan hadith *dhaif* di dalam kitabnya *الكلم الطيب* untuk menggemarkan beramal walaupun beliau menolak pendapat yang mengatakan boleh beramal dengan hadith *dhaif*. وظيفة الحديث الضعيف: 30
 Begitu juga dengan Ibnu al-Jauzi ada memasukkan hadith *dhaif* di dalam kitabnya *تلييس إبليس*. (*دریس الترمذی*: 73)
- 6) Setengah ulama' menerangkan maksud sebenar perkataan Ibnu Al-Arabi yang mengatakan tidak boleh beramal dengan hadith *dhaif* ialah hadith yang bersangatan *dhaif* bukan semata-mata *dhaif* kerana beliau ada memasukkan hadith *dhaif* di dalam kitabnya : *عارضة الأحوذى بشرح صحيح الترمذى*. (*وظيفة الحديث الضعيف*: 15)

Pendapat Kedua:

Boleh beramal dalam semua keadaan apabila tidak didapati hadith yang lain pada sesuatu bab melainkan hanya hadis *dhaif*. Ini adalah pendapat Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abu Hanifah dan Imam Abu Daud.

ULASAN:

Perkataan Imam Ahmad bin Hanbal: "Hadith *dhaif* lebih disukai di sisiku daripada pendapat Imam Mujtahid telah ditafsirkan oleh Ibnu Taimiyah dengan katanya: "Sesungguhnya perkataan kami bahawa hadith *dhaif* itu lebih baik daripada pendapat Imam Mujtahid bukan bermaksud *dhaif* yang *matruk* (perawinya dituduh berbohong) tetapi maksudnya *dhaif hasan*". مجموع الفتاوى: الجزء الأول: 251

Maksud sebenar perkataan Ibnu Taimiyah yang menafsirkan perkataan Imam Ahmad bin Hanbal itu, difahami dengan meneliti perkataan Ibnu Qaiyim yang merupakan murid kepada Ibnu Taimiyah di mana beliau menyebut: "Bukanlah maksud hadith *dhaif* di sisi Imam Ahmad itu hadith yang batil, hadith mungkar dan hadith yang terdapat perawi yang ditohmah sebagai pendusta sehingga tidak harus berpegang dan beramal dengannya bahkan hadith *dhaif* tersebut di sisi Imam Ahmad adalah saudara bagi saihih dan satu bahagian daripada hadith *hasan*.

(31) علام المقطعين: الجزء الأول:

Keterangan Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qaiyim terhadap perkataan Imam Ahmad itu adalah mengenai hadith *dhaif* yang digunakan di dalam hukum-hukum feqah di

sisinya adalah hadith-hadith *dhaif* yang mana diterima pakai oleh imam-imam mujtahid yang lain dan bukan ia menggunakan hadith *dhaif* yang tidak diakui dan ditolak.

Pendapat Ketiga:

Boleh beramal dengan hadith *dhaif* pada *fadhail* amalan dan kelebihan seseorang atau sesuatu tetapi dengan beberapa syarat. Ini adalah pendapat jumhur ulama'. Di antaranya Amirul Mukminin fi al-Hadith iaitu Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, Al-Hafiz Imam Nawawi, Imam al-Suyuti, Al-Hafiz al-Iraqi, Al-Khatib al-Baghdadi dan lain-lain.

Pendapat ini adalah yang muktamad di sisi para Imam *muhaddithin* kerana ianya disokong oleh *Syeikhul Islam* Ibnu Hajar al-'Asqalani. Syeikh Jamaluddin al-Qasimi pernah menyatakan dalam kitab beliau '*Qawa'id Al-Tahdis*', halaman 113:

هذا هو المقدّس عند الأئمة

Ertinya: "Ini adalah pendapat yang muktamad di sisi imam-imam hadith".

(الحديث الصالح أسبابه وأحكامه: 255-257)

Adapun syarat-syarat beramal dengan hadith *dhaif* sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Hafiz al-Sakhawi dalam kitabnya, *Al-Qaul al-Badi'*: "Aku telah mendengar daripada guru kami Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani r.h memberitahu berulang kali bahawa syarat-syarat beramal dengan hadith *dhaif* itu ada tiga, iaitu:

- 1) Bahawa *kedhaifan* hadith itu tidak bersangatan. Hadith yang bersangatan *dhaif* ialah perawinya pendusta atau yang dituduh dengan dusta. Syarat ini disepakati oleh ulama'.
- 2) Bahawa sesuatu hadith *dhaif* itu termasuk di dalam asal (al-Quran, al-Hadith, *Ijma'* dan *Qias*) yang umum.
- 3) Bahawa tidak mengiktikadkan datang daripada Nabi SAW ketika beramal dengannya supaya tidak disandarkan kepada Baginda SAW dengan apa yang tidak dikatakan.

ULASAN :

- 1) Para ulama' daripada kalangan *muhaddithin* dan *fuqaha'* dan selain mereka itu berkata: "Harus dan sunat beramal dengan hadith *dhaif* di dalam perkara *fadhail* amal pada menggemar dan menakutkan terhadap sesuatu, selama hadith itu bukan *maudhu'*. Adapun hukum-hukum seperti halal-haram, jual-beli, nikah dan talak tidak boleh beramal dengannya melainkan dengan hadith

sahih dan hadith *hasan*, kecuali melakukan *ihtiyat* (berhati-hati) pada perkara tersebut. Apabila hadith *dhaif* mengenai makruh setengah jualan atau pernikahan maka disunatkan menjauhinya, tetapi ia bukan wajib.)^{24,25} Maksudnya ialah, disunatkan beramal dengan hadith *dhaif* iaitu beramal dengan cara meninggalkan atau menjauhi larangan yang difahami daripada hadith *dhaif* itu.

- 2) Syeikh Ibnu Hibban di dalam kitabnya النوائب meriwayatkan secara *marfuk* daripada Jabir:

من بلغه عن الله عز وجل شيء فيه فضيلة فأخذ به إيمانا به ورجاء لغواه أعطاء الله ذلك وإن لم يكن كذلك

Maksudnya: "Barangsiaapa yang sampai kepadanya sesuatu daripada Allah yang memuatkan sesuatu fadhilat lalu ia beramal dengan keimanan serta mengharapkan pahalanya maka Allah memberikan kepadanya yang demikian itu sekalipun sebenarnya bukan begitu".

Dengan itu penerimaan hadith *dhaif* yang diperkuatkan dengan sokongan dan riwayat yang lain di dalam perkara menggemarkan, menakutkan, peradaban, sejarah, kisah tauladan dan seumpamanya adalah diperbolehkan. Kerana inilah, Imam Al-Munziri r.h mengumpulkan hadith-hadith tersebut dalam kitabnya الترغيب والترهيب. Perkara ini adalah ijmak para ulama' seperti yang dinukilkan Imam Nawawi, Imam al-Ramli dan lainnya. Bahkan Imam Nawawi menukilkan daripada ulama' bahawa beramal dengan hadith tersebut adalah disunatkan.)²⁶ وظيفة الحديث الصعيب:

- 3) Segelintir masyarakat mempertikaikan orang-orang sufi kerana beramal dengan hadith *dhaif*, walaupun disepakati oleh para ulama hadith bahawa hadith *dhaif* sunat diamalkan. Di kalangan ulama' sufi pula tidak kurang ramainya yang terdiri daripada ulama' besar dalam bidang hadith.

(وظيفة الحديث الصعيب : 19)

Mereka keliru dan menganggap hadith *dhaif* yang mempunyai rawi kurang ingatan dalam sanadnya mesti ditolak, sebenarnya bukanlah seperti yang disangkakan kerana dalam Sunan al-Tirmizi, Imam al-Tirmizi memasukkan hadith yang diriwayat oleh Abdullah bin Mohammad bin Akil yang dianggap rawi yang kurang ingatan. Setelah Imam al-Tirmizi menyebut hadith itu, ia nyatakan bahawa inilah hadith paling sahih sesuatu pada bab ini dan hadith terbaik. Seterusnya Imam al-Tirmizi menyebut lagi Abdullah bin Mohammad bin Akil adalah seorang rawi digelar صدوق iaitu seorang rawi yang dipercayai kata-kata dan perbuatannya, lagi tidak dituduh berbohong dan cuma rawi itu dipertikai oleh ulama' *muhaddithin* mengenai kekurangan ingatannya.

Jika diteliti keputusan Imam al-Tirmizi terhadap kedudukan hadith sebagai **أَحْسَنُهُ فِي هَذَا الْبَابِ وَأَحْسَنُ** bagi sanad hadith yang mempunyai rawi *dhaif* itu agak menjadi rumit. Jika menyerah perkara ini kepada mereka, mereka akan buat keputusan hadith itu *dhaif* dan tidak boleh beramat dan juga mereka akan berkata Imam al-Tirmizi salah dalam menghukum kedudukan hadith dalam bab ini. Seterusnya mereka akan mengatakan: "Inilah yang kami katakan Imam al-Tirmizi ini *mutasabil fil-hadith* (yang mempermudah-mudahkan penentuan kedudukan hadith)".

Mereka menuduh Imam al-Tirmizi salah dan mereka tidak memahami kehendak Imam al-Tirmizi serta maksud sebenar bagi istilah Imam al-Tirmizi. Beliau menghendaki makna kurang *kedhaifan* (أَقْلَى ضَعْفَنَا) yang tidak sampai tahap *dhaif jiddan* (yang sangat lemah) dengan kalimah **أَحْسَنُهُ** dan makna sanad terbaik berbanding dengan sanad *dhaif jiddan* dengan kalimah **أَحْسَنُهُ إِجْوَادًا سَنَادًا**.

Cuba renung kata-kata Imam al-Bukhari yang mengemukakan pandangan tiga orang tok gurunya (Ahmad bin Hanbal, Ishak bin Ibrahim, Al-Humaidi). Imam al-Bukhari berkata bahawa mereka bertiga berhujah dengan hadith Abdullah bin Muhammad bin Akil dan seterusnya Imam al-Bukhari sendiri menghukum bahawa Abdullah bin Muhammad bin Akil adalah **أَيْ حَدِيثٍ يَقْارِبُ حَدِيثَ غَيْرِهِ مَقْرَابُ الْحَدِيثِ**, iaitu dekat hadithnya dengan hadith mereka yang *thiqah* (yang dipercayai). Maksudnya hadith perawi ini tidak jauh kedudukannya dengan hadith perawi-perawi yang *thiqah*. Maka nyatalah betapa cermatnya Imam al-Tirmizi dan Imam al-Bukhari dalam bab menerima rawi yang dipertikai tentang ingatannya.

Jika kita terima kekeliruan mereka yang menolak hadith dari rawi yang dipertikai seperti di atas maka akan timbul kemusykilan dengan Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim kerana Imam al-Bukhari masukkan hadith-hadith dari rawi *mutakallam fih* (rawi yang dipertikai oleh *muhaddithin* dari sudut ingatannya) seramai lapan puluh orang dalam kitabnya Sahih al-Bukhari dan Imam Muslim pula seramai seratus enam puluh orang. Bahkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim masih terdapat hadith-hadith dianggap riwayat *mukhtalaf fih* (riwayat yang diperselisihan oleh *muhaddithin* sebagai sahih atau *dhaif*) sebanyak dua ratus sepuluh hadith di mana seratus hadith dalam Muslim dan tujuh puluh lapan hadith dalam al-Bukhari dan tiga puluh dua lagi dianggap *muttafaqun alaih* (Imam al-Bukhari dan Imam Muslim sepakat meriwayatkan sebuah hadith dari seorang sahabat).

Dasar utama yang diambil kira bagi rawi pada mana-mana sanad hadith hanya tertumpu kepada dua perkara iaitu **حفظ** (ingatan) dan **عدل** (*thiqah* : rawi Muslim yang diberi tanggungjawab yang menjauhi diri dari dosa kecil dan kefasikan).

Seandainya *kedhaifan* hadith itu disebabkan rawi yang mempunyai kurang ingatan maka *kedhaifan* yang ada pada hadith itu akan ditampung dengan adanya *mutabi'* atau *shahid*. Ketika itu hadith *dhaif* dengan adanya sokongan *tariq* lain akan naik kepada darjat hasan *lighairihi* dan boleh beramal dan boleh juga berhujah pada hukum hakam. Mulla Ali Al-Qari berkata:

وَتَعْدَدُ الْطُّرُقُ يَلْعَلُ الْحَدِيثَ الْمُضَعِّفَ إِلَى حَدِ الْخَسْنَ

Maksudnya: "Hadith boleh mencapai darjat hasan (hasan lighairihi) dengan banyak jalan periwatan"

Demikian juga tersebut di dalam شرح النخبة halaman 24:

وَالْمُضَعِّفُ أَنْ تَعْدَدْ طَرْقَهُ أَوْ تَأْيِيدْ بِمَا يَرْجُحُ قَوْلَهُ فَهُوَ الْمُسْنَنُ لِغَيْرِهِ

*Maksudnya: Sekiranya hadith *dhaif* berbilang-bilang periwatan atau dikuatkan dengan hadith yang terlebih kuat penerimaannya maka ia menjadi hasan *lighairihi*".*

Kaedah ini berpandu kepada kaedah yang ada dalam al-Quran iaitu Allah SWT menyamakan saksi seorang lelaki dengan dua orang wanita kerana jika seorang wanita terlupa maka seorang lagi boleh mengingatkan wanita yang terlupa. *Muhaddithin* mengeluarkan satu usul dari *mafhum* di atas iaitu jika sesebuah hadith mempunyai dua sanad di mana satu sanad mempunyai rawi kurang ingatan kemudian sanad itu digabungkan dengan sanad kuat ingatan yang satu lagi maka dapatlah kekuatan bagi sanad yang lemah itu. Itulah gambaran hadith *dhaif* menjadi *maqbul* kerana ada *syahid* dan *mutabi'*. Menolak hadith *dhaif* yang boleh naik kepada darjat hasan *lighairihi* itu samalah dengan menolak usul Quran tersebut.

Hadith *ضعيف مؤيد بالعامل* iaitu hadith *dhaif* yang disokong oleh amalan sahabat dan tabi'in. Apabila amalan mereka itu bertepatan dengan hadith *dhaif* maka dengan sendiri hadith *dhaif* itu menjadi hadith yang layak diamalkan dan dibuat hujah. Sebagai contoh seperti hadis-hadis berikut:

هُوَ الظَّهُورُ مَاؤهُ وَالْخَلُقُ مَيِّثَهُ

Maksudnya: Ianya (air laut) adalah suci airnya dan halal bangkainya القاتل لا يربث

Maksudnya: Pembunuh tidak boleh mewarisi harta orang yang dibunuhnya لا وصية لوارث

Maksudnya: Tidak boleh berwasiat untuk orang yang menerima harta pusaka

Hadith-Hadith ini diakui *dhaif* oleh kebanyakan *muhaddithin* walaupun begitu ianya boleh diterima untuk dijadikan dalil (قابل للإسناد)، kerana didapati ramai sahabat dan tabi'in beramal dengan hadith tersebut.

Telah berkata Ibnu Abdul Barr r.h di dalam kitabnya ketika menghikayatkan daripada Imam Tirmizi bahawa Imam Bukhari telah menghukum sahih Hadith Al-Bahr:

هو الظهور ماؤه والخل ميته

Maksudnya : Ianya (air laut) adalah suci dan bangkainya adalah halal”.

Sedangkan ahli hadith tidak mentashih sanad seperti ini tetapi hadith itu adalah sahih di sisiku kerana ulama' telah menerima dengan secara *qabul* (penerimaan berterusan). Sesetengah ulama' menghukumkan kesahihan mengenai sesebuah hadith apabila ada penerimaan yang berterusan daripada orang ramai sekalipun sanadnya tidak sahih. Berkata al-Ustaz al-Isfirayni: “Dikenali kesahihan hadith apabila masyhur di sisi ulama' hadith tanpa sebarang penafian daripada mereka itu”. Hadith yang diterima oleh ulama' secara berterusan maka hadith itu termasuk di dalam hadith *maqbûl*, sekalipun tidak memenuhi syarat sahih kerana ummah tidak berhimpun dalam perkara kesesatan.

وطلاقة الحديث الضعيف: إمام محمد ركي إبراهيم (28-27)

Yang boleh menolaknya itu adalah hadith *dhaif jiddan* iaitu hadith yang mempunyai rawi yang dituduh berbohong dalam sanadnya maka ianya tidak boleh dijadikan hujah dalam bab hukum hakam akan tetapi boleh diambil kira hadith itu dalam bab *fadhail amal*. Kelebihan seseorang atau sesuatu dalam sejarah disebabkan *muhaddithin* tidak mengadakan syarat *thiqah* bagi rawi untuk menerima hadith-hadith berkait *fadhail* dan sebagainya kerana Rasullullah SAW bersabda

: حذروا عن بني اسرائيل ولا حرج
“ceritalah kamu daripada Bani Israel” dan ianya tidak mengapa. (*Al-Bukhari*, jil. 1, hal. 491 dan *At-Termizi*, jil. 2, hal. 107).

Apabila ada kebenaran untuk mengambil riwayat dalam bab menggemarkan dan menakutkan (*al-targhib* dan *al-tarhib*) dari Yahudi dan Nasara maka apakah rawi yang tidak *thiqah* itu lebih teruk daripada Yahudi dan Nasara? Jawapannya tentu sekali tidak.

Imam Nawawi r.h dalam *Muqaddimah Syarah Sahih Muslim* dan Imam Ibnu Taimiyah dalam kitabnya *Fatawa*, jilid 18, halaman 25-28 menegaskan bahawa hadith *dhaif dimaqbul* (diterima) pada bab *fadhail* kerana *dhaif jiddan* itu bukan *maudhu'* seperti mereka yang keliru dan masukkan *dhaif jiddan* ke dalam kategori *maudhu'*. Terkadang sanad bagi sesebuah hadith menjadi *dhaif* disebabkan:

- i. Sanad terputus.
- ii. Perawi hadith dianggap tidak *thiqah*.
- iii. Terdapat rawi kurang ingatan dalam sanad.

Akan tetapi matan hadithnya menjadi sahih disebabkan matan hadith itu tidak menyalahi dengan riwayat dari rawi *thiqah* yang ramai dan tiada didapati kecacatan

pada matan. Hadith seumpama ini dinamakan *dhaif* pada sanad dan sahih pada matan, jikaun menolak hadith seperti ini disebabkan *dhaifnya* pada sanad itu maka sahinya pada matan itu akan turut ditolak begitu sahaja. Adakah benar penolakan terhadap hadith dengan cara sedemikian itu?

Mereka juga keliru dalam bab pengambilan hadith daripada rawi *majhul ain* (tidak diketahui diri rawi) seperti حديث رجل : seorang lelaki telah menceritakan kepada kami atau rawi *majhul hal* (tidak diketahui sifat rawi sedang diri rawi itu diketahui) seperti حديث زيد .

Mereka terus menolak riwayat dari kedua-dua jenis rawi *majhul* itu. Sebenarnya bukanlah seperti yang disangkakan, *muhaddithin* sudah pun berbincang sama ada boleh menerima atau tidak dengan riwayat dari rawi *majhul* iaitu:

- 1) Adat rawi yang riwayat dari rawi *majhul al-ain* itu biasanya dia hanya mengambil dari rawi yang *thiqah* umpama Imam Abdul Rahman bin Mahdi dan Yahya bin Said al-Qattan. Maka riwayat dari rawi *majhul al-ain* itu dianggap muktabar.
- 2) *Majhul hal* terbahagi kepada dua:
 - i. مجموع الحال باطنًا لا ظاهرًا (tidak diketahui keadaan dalaman seperti menjauhi diri dari kefasikan dan diketahui keadan luaran seperti menjauhi diri dari dosa kecil). Rawi ini dinamakan *mastur* dan riwayatnya diterima di sisi jumhur *muhaddithin*. Di sisi ulama Hanafiah untuk menerima riwayat dari rawi *mastur* ialah ia mestilah dari *qurun thalathah* iaitu rawi yang hidup lingkungan 300 hijriah.
 - ii. مجموع الحال ظاهراً وباطناً (tidak diketahui keadaan luaran dan dalaman). Riwayat dari rawi *majhul*/ini tidak diterima di sisi jumhur *muhaddithin*.
 - iii. Kesemua kenyataan berkait dengan rawi *majhul* tersebut diambil kira pada rawi selain daripada rawi sahabat. Riwayat daripada sahabat dianggap rawi *majhul* itu diterima sama sekali kerana الصحابة كثيرون عدول (kesemua sahabat dikira *thiqah*).

Nampaknya mereka tidak berhati-hati dalam bab mengambil kira riwayat dari rawi *majhul* disebabkan mereka menolak riwayat dari rawi *majhul* secara total tanpa mengambil kira kajian daripada jumhur *muhaddithin*.

Begitu juga mereka keliru dalam bab mengambil riwayat dari rawi أهل البدع والآهواء (mereka yang mengadakan fahaman yang berlainan dengan akidah Ahlu al-Sunnah Wal Jamaah dan menuruti hawa nafsu). Mereka menyuarakan bahawa apabila seorang rawi diperselisihan antara *jarah* dan *ta'dil* maka *jarahnya* akan diutamakan. Seterusnya, menolak bulat-bulat riwayat dari rawi itu tanpa mengkaji kaedah-kaedah yang disepakati oleh jumhur *muhaddithin* muktabar.

Jika rawi itu:-

- 1) Akidahnya tidak mencecah akidah kufur syirik.
- 2) Ianya *thiqah*.
- 3) Riwayat daripada rawi itu tidak ada unsur-unsur menarik kepada fahamannya.
- 4) Riwayat daripada rawi itu tidak bercanggah dengan Akidah Ahlu al-Sunnah Wal Jamaah.

Maka riwayat daripada rawi *ahlu al-bida' wa ahwa'* itu diterima sama sekali di sisi jumhur *muhaddithin* termasuklah Imam Bukhari, Imam Muslim Imam Termizi dan sebagainya. Bahkan mereka dengan bangganya masukkan riwayat-riwayat dari rawi-rawi itu ke dalam kitab-kitab hadith mereka. Sebagai contoh Imam al-Bukhari masukkan riwayat dari Abu Muawiyah yang dianggap ketua kumpulan Murjiah oleh Imam Abu Daud ke dalam kitabnya Sahih Bukhari pada bab باب الحباء في العلم dengan sanad أخبرنا أبو معاوية قال حدثنا هشام

Dan juga Imam al-Bukhari mengadakan tajuk bab dengan potongan hadith sebagai *takliq* dalam kitab sahihnya iaitu أحب الدين إلى الله الحنيفة المسنعة apabila meneliti sanad bagi hadith ini didapati dalam kitab الأدب المفرد dan Musnad Ahmad dengan *tariq* dari Muhammad bin Ishak yang dianggap syiah.

Ramai orang mengkritik Imam Ibnu Ishak begitu teruk sehingga mereka mengatakan bahawa Imam Ibnu Ishak adalah seorang rawi *dajjal* lagi *kazzab* (pembohong) yang dituduh oleh Imam Malik dengan katanya bahawa aku berani bersumpah di antara Hajar al-Aswad dan pintu kaabah bahawa Ibnu Ishak adalah seorang *dajjal* lagi *kazzab*. Mereka menyebut hanya perkara itu tanpa menyatakan yang Imam Malik menarik balik kata-kata beliau dan mengirim hadiah bertujuan hendak berdamai dengan Imam Ibnu Ishak.

Imam al-Bukhari mengemukakan pendapat Ibnu Ishak dalam bab *Al-Maghazi* dalam kitab sahihnya. Mereka juga tidak mengambil kira pandangan ulama-ulama muktabar terhadap Ibnu Ishak seperti berikut:

- i. Al-Hafiz Ibnu Hajar r.h mengatakan bahawa Muhammad bin Ishak dianggap صدق صالح للإحتجاج (yang *thiqah* lagi yang layak berhujah dengan hadith yang ia riwayat).
- ii. Al-'Allamah Badruddin Aini mengatakan bahawa Ibnu Ishak dianggap salah seorang daripada العقات الكبار di sisi jumhur *muhaddithin*.
- iii. Imam Ibnu Humam menyatakan dalam kitabnya *Fath al-Qadir* bahawa Ibnu Ishak adalah rawi *thiqah* yang tidak ragu-ragu di sisi kami (ulama *ahnaf*) dan di sisi penganalisis-penganalisis dari kalangan *muhaddithin muktadilin*.
- iv. Imam al-Bukhari menegaskan bahawa Ibnu Ishak adalah *imamul hadith*.
- v. Imam Baihaqi menganggap bahawa Ibnu Ishak salah seorang daripada rawi-rawi hasan.
- vi. Imam Abdul Haiyyi Lakhnawi menceritakan bahawa Muhammad bin Ishak walaupun dianggap rawi *mutakallam fih*, tetapi hadithnya tidak turun dari darjat hasan bahkan sesetengah pengkritik atau pengkaji yang halus tentang sanad mentashihkan hadithnya dan menyatakan dalam kitabnya *Assa'ayah* bahawa Ibnu Ishak adalah seorang rawi yang *thiqah*.
- vii. Amirul Mukminin Fil Hadith Imam Shu'bah menyatakan bahawa Imam Sufian al-Thauri, Hammad bin Zaid, Abdullah bin al-Mubarak meriwayatkan hadith daripada Imam Ibnu Ishak.

Jelaslah di sini bahawa mereka yang keliru tidak mengambil kira dengan halusi berkenaan dengan rawi dianggap *Ahlu Al- Bida' Wal Ahwa'*.

Apabila seseorang rawi dipertikai melalui pelbagai keadaan seperti Syiah, Muktazilah, Murjiah, *dhaif*, mungkar, batil, *mardud*, *thiqah* atau tidak *thiqah* dan sebagainya maka perlu mengambil keputusan muktamad dari jumhur *muhaddithin* muktabar tanpa mengambil keputusan hanya dari individu *muhaddis* tertentu.

Mereka keliru dan menyatakan bahawa kami mahu beramat dengan hadith sahih sahaja dan seterusnya mereka mahu menerima hadith al-Bukhari sahaja dan

hadith-hadith lain yang ada dalam kitab hadith lain mereka tidak mahu menerima. Sedangkan Imam al-Bukhari sendiri menerima dan berhujah dengan hadith-hadith yang beliau sendiri tidak memasukkan dalam kitab sahinya disebabkan hadith-hadith itu tidak menepati dengan syarat-syarat ketat yang beliau gariskan untuk menerima sesebuah hadith.

Perkara itu nyata daripada *uslub* Imam al-Bukhari iaitu Imam al-Bukhari menyerahkan ijтиhadnya pada tajuk bab dan hadith di bawah tajuk bab itu dikira dalil bagi ijтиhadnya. Akan tetapi terkadang kelihatan tidak nyata ijтиhadnya dalam hadith yang ada di bawah tajuk bab itu. Ketika itu *uslub* Imam al-Bukhari ialah beliau tidak masukkan hadith yang menjadi dalil bagi ijтиhadnya di bawah tajuk bab itu disebabkan hadith yang akan menjadi dalil itu tidak menepati dengan syarat ketat yang beliau kehendaki.

Kalaularah kita mencari hadith yang menjadi dalil itu, terkadang berjumba di dalam kitab-kitab hadith lain seperti Musnad Imam Ahmad, Musannaf Ibnu Abi Syaibah dan kitab-kitab sunan yang lain. Maka nyata Imam al-Bukhari sendiri beramal dan berhujah dengan hadith yang ada di dalam kitab-kitab hadith yang lain selain daripada kitab hadithnya sendiri. Kenapa pula mereka tidak boleh menerima hadith-hadith yang lain yang ada dalam kitab-kitab hadith selain daripada kitab hadith Imam al-Bukhari?

Mereka keliru dan berkata bahawa kami mahu beramal dengan al-Quran dan as-Sunnah dan mahu menerima serta beramal terus dengan hadith tanpa menerima ijтиhad mana-mana imam. Mereka selalu dan suka menyebut hadith itu sahih dan hadith ini *dhaif*, *maudhu'* dan sebagainya. Persoalannya dari manakah mereka tahu sahih, *dhaif* dan *maudhu'* bagi sesebuah hadith? Adakah mana-mana hadith menerangkan kedudukan kesemua hadith ataupun Nabi SAW sendiri menyatakan sahih, *dhaif* bagi hadith-hadith? Jawapannya tidak. Mereka mengambil dan menerima kedudukan sesebuah hadith daripada imam-imam hadith disebabkan mereka sendiri tidak mampu menilai kedudukan hadith-hadith sebagai sahih, hasan, *dhaif* dan sebagainya. Kenapa pula dalam bidang ijтиhad mereka tidak mahu mengikut imam sedangkan bidang hadith lebih mudah berbanding dengan bidang ijтиhad. Yang mudah mengikut imam dan yang payah tidak ikut imam?

Mereka sentiasa menyuarakan bahawa tidak mahu beramal dengan hadith *dhaif*, akan tetapi didapati satu amalan yang mana mereka meletakkan tangan di bawah tekak sambil meletakkan di atas dada ketika mereka berdiri sembahyang. Kajian daripada *Shaikhul Hadith* Maulana Zakaria Al-Kandahlawi menyatakan bahawa setelah disemak dan meneliti kesemua hadith, beliau tidak menemui hadith berkenaan amalan itu kecuali yang ada hanya pendapat *dhaif* Imam Ahmad bin Hambal yang mengharuskan amalan itu. Inilah Wahabi, mereka tidak benar orang

lain beramal dengan hadith *dhaif* dan ijтиhad imam, sebaliknya apabila mereka mahu beramal, mereka bukan beramal dengan hadith *dhaif* bahkan pendapat *dhaif* imam juga turut diamalkan.

Mereka yang tidak sanggup beramal dengan hadith *dhaif* dalam *furu'* tetapi sanggup pula beramal dengan cerita palsu yang bersandar kepada Imam Abu Hanifah dalam usul yang diambil daripada Abu Muti' al-Balkhi (وضع کتاب ابو مطیع البخی و عرضہ فوپ سبع سموات).²⁹

جوابه: هذا الكلام كذب على الإمام أبي حنيفة رحمة الله تعالى لأن راويه عنه هو أبو مطيع البخبي وكان كتاباً وضاعاً، قال في ترجمته الحافظ النهي في (الميزان).

Mereka sibuk mengkritik dengan kitab-kitab yang mempunyai isi kandungan berdasarkan hadith *dhaif* dan menolak kitab-kitab *fadhlil* amal yang diisi hadith *dhaif*. Kalau begitu apa pendapat mereka dengan kitab-kitab hadith sunan dan Musnad Ahmad yang diisi hadith-hadith *dhaif* pada kitab-kitab itu. Perlukah kita menyingkir kitab-kitab hadith tersebut kerana ada hadith *dhaif* dalam kitab-kitab itu?

Sikap terlalu mengkritik terhadap rawi akan mendorong ke arah penolakan hadith-hadith yang sudah dikaji halus lagi diterima pakai di sisi fuqaha' mujtahidin.

Periwayatan hadith diambil kira berdasarkan kepada kejujuran (*thiqah*) dan amanah perawi bukan berdasarkan kepada mazhabnya seperti Syiah, Rafidah, Murjiah, Muktazilah dan lain-lain. Berapa ramai di kalangan perawi-perawi yang bermazhab Syiah, Khawarij dan lain-lain yang mana Imam al-Bukhari dan Muslim berbangga menyebutkan nama-nama mereka dalam sanad mereka berdua dan meriwayatkan hadith daripada mereka di dalam kitab sahih mereka.

(34) ميزان الحج والعديل: محمد جلال الدين القاسمي:

Kebanyakan perawi yang dipercayai (*thiqah*) meriwayatkan hadith daripada perawi-perawi yang *dhaif* seperti Sufyan Al-Thauri dan Syu'bah dan selain mereka. Syu'bah berkata: "Sekiranya aku tidak meriwayatkan hadith kepada kamu melainkan hanya daripada orang-orang yang mempunyai kejujuran (*thiqah*) nescaya aku tidak akan meriwayatkan kepada kamu melainkan daripada beberapa orang sahaja".

Yahya Bin Said Al-Qattan r.h berkata: "Sekiranya aku tidak meriwayatkan hadith melainkan hanya daripada beberapa orang yang aku redha (setuju) nescaya aku tidak boleh meriwayatkan hadith melainkan hanya daripada lima orang sahaja atau seumpamanya".²⁹ شرح علل التزمني:

Menurut ulama usul hadith apabila seorang perawi yang bersifat adil meriwayat hadith yang diambil daripada perawi yang bertaraf *dhaif* maka ini bererti dia menganggap perawi itu bertaraf adil. (وظيفة الحديث الضيف: ١٨)

Menentukan hadith sebagai sahih, *dhaif* dan *maudhu'* itu adalah urusan *muhaddis* dan ijtihad daripada al-Quran dan hadith itu adalah tugas mujtahid. Mujtahid mampu menyelesaikan urusan *muhaddis* akan tetapi *muhaddis* tidak mampu menyelesaikan urusan mujtahid. Dalilnya ialah tugas *muhaddis* ialah semata-mata meriwayatkan sabda Rasulullah SAW, perbuatan Rasulullah SAW dan pengiktirafan Rasulullah SAW tanpa mengemukakan perkara berikut:

- 1- Yang mana *nasikh* (hukum yang tetap), yang mana *mansukh* (hukum yang dah dibatalkan).
- 2- Yang mana hadith merupakan dasar utama, yang mana merupakan hadith pengecualian.
- 3- Suruhan yang manakah disambut atau disokong beramal oleh sekumpulan besar para sahabat dan tabi'in.

Maksudnya, perkara-perkara tersebut itu tidak dipedulikan oleh *muhaddis* dan yang mengambil kira terhadap perkara-perkara itu adalah imam-imam mujtahid. Itulah tugas bagi seorang mujtahid.

Oleh kerana itu pentashihan hadith yang dibuat oleh fuqaha' (iaitu imam-imam mujtahid) lebih tinggi kedudukannya daripada pentashihan yang dibuat oleh ulama' muhaddithin. Imam Al-A'amasy berkata:

حَدِيثٌ يَنْتَهِ إِلَيْهِ الْفُقَهَاءُ حَيْثُ مِنْ حَدِيثٍ يَنْتَهِ إِلَيْهِ الشُّعُونُ

Maksudnya: Hadith yang diterima pakai oleh fuqaha' mujtahidin itu lebih baik daripada hadith yang diterima pakai oleh ulama' muhaddithin.

Imam At-Tirmizi menukilkan dalam Kitab Sunan At-Tirmizi pada bab mandi mayat:

وَكَذَلِكَ قَالَ الْفُقَهَاءُ وَمُؤْمِنُ أَعْلَمُ بِمَعْنَى الْحَدِيثِ

Maksudnya: Dan demikian itulah berkata al-fuqaha', pada hal mereka itulah (fuqaha') yang lebih memahami dengan makna maksud hadith.

Ini memberi gambaran kepada kita bahawa mujtahid lebih mengerti isi kandungan hadith daripada muhaddis. Sebagai menyokong pendapat Imam Tirmizi perlu diberitahu satu kisah yang berlaku di antara Imam Al-A'amasy seorang *muhaddis* (pakar riwayat hadith) dan Imam Abu Hanifah seorang mujtahid (pakar mengkaji al-Quran dan al-Hadith secara halus dan mendalam).

Pada suatu ketika Imam Al-A'amasy disoal mengenai beberapa hukum sedang Imam Abu Hanifah ada di samping Imam Al-A'amasy. Imam Al-A'amasy meminta Imam Abu Hanifah menjawab, maka Imam Abu Hanifah pun terus menjawab soalan-soalan yang diajukan itu. Sebaik saja selesai menjawab Imam Al-A'amasy bertanya kepada Imam Abu Hanifah: "Dari sumber manakah engkau mengeluarkan hukum-hukum itu?". Imam Abu Hanifah berkata: "Daripada hadith-hadith yang saya terima riwayat daripada tuan". Kemudian Imam Abu Hanifah pun mula membaca hadith-hadith yang ia menerima daripada Imam Al-A'amasy. Imam Al-A'amasy berkata: "Hadith-hadith yang aku ajarkan kepada engkau dalam masa seratus hari itu engkau pula mahu membacanya sehingga habis sekaligus dalam satu majlis. Aku tidak tahu pun engkau akan mengeluarkan hukum daripada hadith-hadith itu".

Daripada kisah tersebut ternyata bidang ijtihad lebih rumit daripada bidang hadith. Bidang hadith yang lebih mudah dari bidang ijtihad pun ramai bergantung kepada keputusan *muhaddithin* disebabkan tidak mampu menentu kedudukan sesebuah hadith sebagai sahih, *dhaif* dan *maudhu'*. Yang anehnya mereka tidak mahu menurut imam pada bidang ijtihad yang lebih rumit dari bidang hadith. Mereka sanggup menurut Albani yang muncul pada akhir zaman ini dalam bidang hadith dan menolak ijtihad imam mujtahid yang wujud pada zaman diakui baik oleh Rasulullah SAW.

Imam-imam hadith mempunyai beberapa peringkat iaitu:-

- i. *Muhadith* atau *Shaikhul hadith* iaitu orang yang mampu menghafal berpuluhan-puluhan ribu hadith dan mampu menerangkan maksud-maksud sebenar hadith berdasarkan fahaman kumpulan *muhaddithin muktabar* lagi *mu'tadil*.
- ii. *Hafiz al-hadith* iaitu orang yang mampu menghafal seratus ribu hadith berserta sanad.
- iii. *Hujjah* iaitu orang yang mampu menghafal 300 ribu hadith berserta sanad.
- iv. *Hakim* orang yang menguasai keseluruhan hadith-hadith.

Fuqaha' (mujtahid) juga mempunyai beberapa peringkat atau lapisan, iaitu:-

Peringkat 1: Mujtahid Mutlak

Peranan mereka ialah berijtihad (mengeluarkan hukum) dalam syariah. Seperti imam-imam empat mazhab dan para mujtahid yang mengemukakan cara yang sama dengan imam-imam yang empat itu seperti Imam Sufian al-Tsauri, Imam Auza'i dan sebagainya.

Mereka menyediakan kaedah-kaedah yang merupakan dasar-dasar bagi ilmu fiqh, kemudian berdasarkan kaedah-kaedah itu tanpa taklid (menurut pandangan orang lain kerana tidak ada kebolehan berijtihad) kepada sesiapa, mereka berijtihad melalui *al-adillah al-arba'ah* (أَلْأَرْبَاعَةِ) iaitu; al-Quran, al-Hadith, Ijma' dan Qias pada hukum-hukum furi'.

Peringkat 2: Mujtahid *fi al-Mazhab*

Mereka mempunyai kekuatan ijtihad di bawah suluhan dasar-dasar fiqh yang ditetapkan oleh imam-imam yang empat, seperti:

- 1) Imam al-Buwaithi dan Imam al-Muzani dalam mazhab Syafie.
- 2) Imam Abu Yusof dan Imam Mohammad bin al-Hassan dalam mazhab Hanafi.

Peringkat 3: Mujtahid *fi al-Masa'il* (mujtahid fatwa)

Mereka mampu mengeluarkan hukum melalui ijtihad sendiri pada hukum-hukum cabang di mana imam (*mujtahid mutlak*) dan muridnya (*mujtahid fi al-Mazhab*) masih belum mengeluarkan hukum mengenai sesuatu amalan itu, seperti:

- 1) Imam an-Nawawi dan Imam al-Rafie dalam mazhab Syafie.
- 2) Imam Thohawi dan Imam al-Sarkhasi dalam mazhab Hanafi.

Peringkat 4: *Ashab al-Takhrij*

Mereka tidak dianugerahkan dengan kebolehan ijtihad tetapi mereka mampu menentukan satu kemungkinan di antara dua kemungkinan bagi *qaul* (pendapat) imam atau muridnya memandangkan (bersandar) dasar fiqh imam.

- 1) Imam al-Ramli dan Imam Ibnu Hajar al-Haithami dalam mazhab Syafie.
- 2) Imam al-Karkhi dan al-Jassas dalam mazhab Hanafi.

Peringkat 5: *Ashabul Tarjih*

Tugas mereka adalah mengutamakan satu riwayat atau satu pendapat di antara riwayat-riwayat atau pendapat-pendapat yang berlainan oleh imam-imam dalam mazhab. Mereka juga tidak mempunyai kebolehan ijtihad.

Peringkat 6: *Ashab al-Tamyiz*

Mereka mampu membeza-bezakan antara pendapat imam-imam. Pendapat yang mana kuat, lemah atau lebih kuat dan sebagainya. Mereka juga bertaklid kepada pendapat imam.

Dengan meneliti perkara-perkara tersebut dapat difahami bahawa betapa rumitnya ijtihad dari al-Quran dan al-Hadith, bukan senang dan mudah untuk menjadi seorang yang mujtahid. Sesetengah mereka yang kurang waras, yang dapat menghafal beberapa buah hadith dan sempat belajar dua-tiga buah kitab hadith dan menganggap bahawa itu hadith yang diterima daripada Rasulullah SAW dan terus menafikan atau menolak pandangan-pandangan ulama berdasarkan hadith-hadith yang lebih banyak daripada mereka itu. Yang mereka tidak tahu itu mereka menganggap langsung tidak wujud. Mereka umpama seekor ulat yang menyusup hidup di celah belahan sebutir batu. Batu itulah langit dan bumi bagi ulat itu. Begitulah dengan keadaan mujtahid moden pada masa kini.

Saya berasa hairan juga dengan pengikut-pengikut mereka kerana mereka juga turut menolak dan mencaci imam-imam muktabar lagi bertakwa yang hidup pada zaman hampir dengan zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Sebaliknya mereka menyokong pula dengan mujtahid moden yang tidak bertakwa yang hidup pada zaman hampir dengan zaman dajjal. Ulama, cendekiawan dan mujtahid yang wujud pada zaman *khair al-Qurun* disingkir, dianggap lekeh, tidak berguna, manakala mujtahid moden yang wujud pada zaman *syar al-Qurun* pula disambut meriah dan dihormati.

Daripada apa yang telah dibentangkan ia tidak bermaksud bahawa pada masa kini tidak dibenarkan berijtihad dan wajib bertaklid semata-mata. Mengikut pendapat sesetengah ulama bahawa pintu ijtihad masih terbuka lagi. Kalau lauh anda mempunyai kebolehan berijtihad, silalah anda masuk ke gelanggang berijtihad, bersesuaian dengan slogan anda iaitu : "Mereka (*mujtahidin*) lelaki dan kami juga lelaki (مُرْجَانٌ وَنِسْخَنْ رِجَالٌ). Apa salahnya, kami juga berijtihad seperti mereka". Tetapi yang menjadi lucunya ialah orang yang tahu memberi ubat panadol (*paracetamol*) kepada orang yang demam berlagak sebagai doktor pakar.

Begitu juga sesetengah pihak yang tidak mampu berijtihad, bergaya dan berlagak pandai, bahawa seandainya أَيْنَةً أَزْيَّةً hidup masa kini, juga wajib mengikut pandangan mereka.

Mereka keliru dan tidak memahami keadaan masyarakat umat Islam yang sedang beramal dengan hadith-hadith melalui ijtihad Imam Syafie dan seterusnya mereka hendak mengubahkan cara beramal itu kepada cara beramal dengan zahir hadith berdasarkan ijtihad Imam Ahmad bin Hanbal, seperti mereka hendak

mengubah Akidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah yang dipegang oleh masyarakat umat Islam semenjak berkurun-kurun itu kepada akidah *mujassimah*.

Sebuah hadith berbunyi:

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: اذا استيقظ أحدكم من الليل فلا يدخل بيته في الاتاء حتى يغسل علىها مرتين أو ثلاثة، فانه لا يدرى أين ياتت به.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi SAW, ia bersabda : "Apabila salah seorang daripada kamu bangun tidur pada waktu malam maka janganlah dia masukkan tangannya dalam bekas air sehingga dia tuangkan air ke atasnya (tangan) dua kali atau tiga kali kerana dia tidak tahu di mana tangannya bermalam".

Berdasarkan hadith ini Imam Ahmad bin Hanbal berkata bahawa apabila seseorang bangun tidur pada waktu malam kemudian dia masukkan tangannya ke dalam air wuduk sebelum basuh tangan maka aku perkenan air itu dituangkan, maksudnya air itu sudah menjadi najis di sisi Imam Ahmad.

Imam Syafie pula tidak menghukum najis sebelum meneliti dahulu terhadap hadith itu. Kajian Imam Syafie didapati bahawa, Nabi SAW bersabda pada peringkat awal Islam di mana sahabat-sahabat ketika itu beristinjak hanya menggunakan batu dan tidak menggunakan air. Kebiasaan sahabat-sahabat ketika itu memakai kain (tidak memakai pakai seluar panjang). Kepanasan cuaca mengeluarkan peluh ketika mereka tidur itu membimbangkan basahnya tempat keluar najis walaupun sudah hilang 'ain najis di tempat itu disebabkan mereka selesai istinjak dengan menggunakan batu sebelum tidur. Kebimbangan itu berpunca daripada tidak tahu tangannya bermalam di mana. Memandangkan keadaan-keadaan tersebut Imam Syafie berijtihad:

- a. Makruh bagi setiap orang bangun tidur pada waktu siang atau malam, memasukkan tangannya ke dalam air wuduk sebelum membasuh tangannya, jika yakin tidak ada najis di tangan dan dikira air itu tidak menjadi najis.
- b. Sekiranya yakin ada najis di tangannya, maka wajib membasuh tangan ketika bangun dari tidur sama ada tidur pada waktu siang atau malam. Air akan menjadi najis sekiranya dia tidak membasuh tangan dan terus memasukkan tangan yang kotor itu ke dalam air wuduk.

Betapa berbezanya cara beramal dengan hadith di antara Imam Ahmad bin Hanbal yang beramal zahir hadith dengan Imam Syafie yang beramal dengan cara mengkaji halus terhadap maksud hadith. Mereka keliru dalam bidang ilmu hadith mengikuti cara amal zahir hadith seperti Imam Ahmad sentiasa menyalahkan

amalan-amalan masyarakat umat Islam yang dituruti sepenuhnya dengan ijтиhad halus Imam Syafie. Maka timbulah fitnah di kalangan umat Islam Malaysia, malah mereka salahkan akidah 'Asya'rah dan Maturidiah.

Mereka cuba menegakkan akidah *mujassimah* melalui tafsiran salah terhadap ayat-ayat *mutashabihat* dan hadith-hadith yang berunsurkan akidah. Contohnya seperti hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari di dalam sahihnya; bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda: "Tuhan turun ke langit dunia pada setiap malam dan berfirman: Barang siapa yang berdoa kepadaku nescaya aku perkenankan, barang siapa yang memohon keampunan kepadaku nescaya aku akan ampunkan, barang siapa yang memohon kepadaku nescaya aku akan berikan sehingga terbitnya waktu fajar."

Ulama daripada 'Asya'rah seperti Ibnu Hajar al-'Asqalani mengatakan bahawa hadith ini tidak boleh difahami pada zahir makna iaitu Tuhan kami turun. Imam Malik bin Anas bila ditanya mengenai hadith ini maka jawabnya ialah turun rahmat bukannya turun zat Allah SWT ataupun boleh dikatakan sebagaimana pegangan sebahagian ulama *khalaf* iaitu malaikat yang turun dengan arahan Allah. Dan berkata Imam Ibnu Hajar yang dikenali sebagai 'Asya'rah, bahawa sesungguhnya guru-guru kami meletakkan baris depan pada huruf pertama يَنْزَلُ رَبُّكَ sekiranya huruf "ya" berbaris depan maka maknanya zahir lagi jelas iaitu tuhan kami turunkan rahmat.

Sekiranya tidak menerima pandangan ini, sedangkan ianya pandangan ahli sunnah dan mengatakan Allah SWT berada di atas *Arasy* dan akan turun pada satu pertiga malam ke langit dunia. Cubalah fikirkan waktu malam berbeza di setiap negara sekiranya berpegang dengan hadith sebagaimana mereka fahami iaitu Allah turun ke langit dunia kemudian naik ke 'Arasy kemudian turun semula ke langit dunia dan kemudian naik pula ke 'Arasy pada setiap waktu malam dan siang. Perkara ini tidak diperkatakan dan dilakukan oleh orang yang cerdik pandai, maka wajiblah berpegang sebagaimana pandangan ulama. Selebihnya apa yang dikatakan oleh 'Asya'rah dan Mathuridiah : "Sesungguhnya Allah SWT menurunkan malaikat dengan arahannya atau rahmat Allah SWT menuju ke langit pertama". Inilah pegangan akidah 'Asya'rah untuk mempertahankan akidah Ahlu al-Sunnah sambil mengelak dari akidah *mujassimah*.

Begin juga dengan ayat al-Quran:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْمُزِينِ اسْتَوَى

Maksudnya: Iaitu (Allah) Yang Maha Pemurah, ia maha tinggi di atas 'Arasy.
(Thoha : 5)

Mereka mengambil maksud "Tuhan Yang Maha Pemurah yang bersemayam (duduk) di atas 'Arasy." Kalimah اشْتَوَى mempunyai 16 makna termasuklah makna "maha tinggi" dan "bersemayam". Kenapa mereka mengambil makna bersemayam yang bercanggah dengan akidah ahli sunnah yang mendorong ke arah akidah *mujassimah*. 'Asya'irah mengambil maksud mendalam yang tidak bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menepati dengan ayat:

لَيْسَ كُلُّهُ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: Tidak ada sesuatu pun yang serupa denganNya (zat-Nya, sifat-Nya dan pentadbiran-Nya) dan Dia yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.
(Al-Syuura : 11)

Apabila mengambil makna duduk yang layak dengan Allah (ما يليق به) maka terlibat juga dengan maksud menyabitkan Allah SWT berjisim.

Ulama' Usuluddin menegaskan bahawa akidah جسم كالجسام (*jisim serupa jisim makhluq*) itu hukumnya kufur dan akidah جسم لا كالجسام ماليق به (*jisim tidak serupa jisim makhluq, yang maksudnya jisim yang layak dengan jisim Allah*) itu hukumnya fasiq. Maka Ahlu Al-Sunnah Wal Jamaah menghindari dari mengambil makna (Allah duduk di atas 'arasy) yang membawa ke arah akidah *mujassimah*. Begitulah bezanya di antara 'Asya'irah bermazhab Syafie dan hanabilah *mujassimah*.

Mereka keliru dan menggalakkan umat Islam meninggalkan ijтиhad imam ketika ianya bercanggah dengan hadith, dengan menggunakan kaedah Imam Syafie:

إِذَا صَحَّ الْحَدِيثُ فَهُوَ مُذَكَّرٌ

Maksudnya: Apabila sahih sesuatu hadith maka ianya mazhabku

- 1) Segelintir masyarakat tersalah faham terhadap perkataan imam-imam mujtahidin yang berbunyi: "Apabila sahih sesuatu hadith maka ianya mazhabku", dengan menganggap bahawa apabila menemui sesebuah hadith sahih yang bercanggah dengan pendapat imam, maka ditinggalkan pendapat imam tersebut, lantas beramal terus dengan hadith tersebut.

Maksud sebenar yang dinukilkan dalam kitab *Syarah 'Uqud Rasm al-Mufti* bahawa sekiranya menemui hadith sahih mengenai mana-mana hukum yang tidak diputus oleh imam, maka hadith itu akan dikira sebagai mazhab imam dan hukum itu terus ditambah dalam fiqh imam tersebut. Ini kerana, jika imam itu masih hidup dan menemui hadith sahih sedemikian, tentulah ia akan mengambilnya untuk dijadikan sebagai dalil bagi pendapatnya serta memasukkannya dalam fiqhnya.

- 2) Di dalam kitab *Al-Majmu'* ada menerangkan pengertian sebenar perkataan Imam Syafie *rahimahullah*, iaitu:
- i- Tiadalah bermaksud bahawa seseorang yang melihat hadith sahih, lantas ia berkata ini adalah mazhab Syafie dan beramal dengan zahir hadith.
 - ii- Tidak juga perkataan ini ditujukan kepada mereka (*mujtahid*) yang tidak sampai kepada darjat *ijtihad* yang mana apabila menemui hadith sahih terus beramal dengannya.

Bahkan makna perkataan ini ditujukan kepada mereka yang sampai kepada darjat *ijtihad*, tetapi hendak beramal dengan hadith sahih yang ditemui. Ia mempunyai beberapa syarat, iaitu:

- a) Setelah ia (*mujtahid*) meneliti keseluruhan kitab Imam Syafie dan kitab ulama' mazhab Syafie.
 - b) Kuat pada sangkaannya bahawa Imam Syafie tidak menemui hadith sahih itu.
- 3) Banyak hadith sahih yang telah sampai kepada Imam Syafie atau yang ia mengetahui tetapi beliau tidak beramal dengan zahir hadith itu kerana Imam Syafie mengeluarkan hukum daripada hadith yang terlebih *rajih* daripadanya. Terkadang hadith itu *mansukh* (hadith yang dibatalkan hukumnya) atau ada hadith lain yang mentaksikannya atau Imam Syafie telah *mentakwilkan* (mengambil makna yang lain selain dari makna yang sebenar) hadith itu atau lainnya.

Ada setengah orang menyebut bahawa perkataan ini ditujukan kepada *Ashab* (anak murid) Imam Syafie iaitu Imam al-Muzani dan Imam al-Buwaiti ketika mereka mengemukakan pertanyaan: "Yang mana satu hendak dipegang antara dua perkataan Imam Syafie; iaitu *qaul qadim* (pendapat Imam Syafie semasa di Baghdad) atau *qaul jadid* (pendapat Imam Syafie semasa di Mesir)?". Maka Imam Syafie memberi jawapan dengan berkata:

إِذَا صَحَّ الْخُدُوثُ فَهُوَ مَذْهِبِي

Maksudnya: Pendapat yang menepati dengan hadith sahih, itulah mazhabku

Oleh kerana itu, perkataan Imam Syafie tersebut telah dibahaskan di dalam *Muqaddimah Majmuk Imam Nawawi* sebelum beliau masuk kepada tajuk:

فَصَلٌ: كُلُّ مُسْتَأْلِهِ فِيهَا قُولَانِ لِلشَّاعِيِّ رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَخَدِيدٌ

Maksudnya: Fasal bagi setiap masalah fiqh ada padanya dua pendapat di sisi Imam Syafie Rahimahullah iaitu qaul qadim dan qaul jadid

Mazhab Syafie mempunyai ulama-ulama mujtahid tersendiri yang telah menjaga mazhab ini dengan berpandukan kaedah-kaedah Imam Syafie. Jika diandaikan bahawa Imam Syafie tidak menemui sesebuah hadith yang sahih untuk menerangkan sesuatu hukum, maka mereka lah yang terlebih mampu dalam penyelidikannya dalam perkara tersebut.

Sebenarnya apabila ijihad imam bercanggah dengan sesebuah hadith maka di situ mesti ada hadith yang tepat dengan ijihad imam. Hadith yang menepati dengan ijihad imam itu merupakan hadith *nasikh atau rajih*, sebaliknya hadith yang bercanggah dengan ijihad imam itu dikategorikan sebagai hadith *mansukh* atau hadith *marjuh*. Penyampai ilmu hadith sepatutnya memperjelaskan percanggahan ijihad imam dan hadith itu berdasarkan kaedah-kaedah *tarjih* yang diguna pakai di sisi imam-imam mujtahidin.

Usul-usul untuk *mentarjihkan* di antara riwayat-riwayat yang bercanggah itu terdapat begitu banyak.

- Imam al-Hazemi al-Hamdani mengemukakan lima puluh usul *tarjih* dalam kitabnya: *النَّاتِحَةُ وَالْمُنْسَخُ مِنَ الْكَارِ*
- Hafiz Iraqi pula mengisi lebih daripada seratus usul *tarjih* yang menjadi dasar untuk mengutamakan mana-mana riwayat di antara riwayat-riwayat yang bercanggah dalam kitabnya: *اللَّكْتُ كِتَاب*. Kesemua usul-usul ini pula bukannya disepakati di sisi imam-imam mujtahidin.

Imam-imam mempunyai pegangan masing-masing dengan sebab *tarjih*. Perselisihan berlaku pada sebab *tarjih* di sisi mereka setelah menerima riwayat-riwayat sebagai sahih. Sufyan bin 'Uyainah menceritakan bahawa Imam Abu Hanifah dan Imam al-Auza'i bertemu di sebuah kedai jahit di pasar Makkah. Imam al-Auza'i mengajukan soalan kepada Imam Abu Hanifah: "Kenapa kamu tidak mengangkat kedua-dua tangan semasa hendak rukuk dan sewaktu bangun dari rukuk?". Imam Abu Hanifah menjawab: "Sanad pada hadith itu hingga ke Rasulullah SAW tidak mencapai darjah sahih". Sebaik sahaja mendengar jawapan itu Imam al-Auza'i terus menyebut sanad Zuhri daripada Salim daripada ayahnya Ibnu Umar daripada Rasulullah SAW , iaitu hadis berikut:

عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ يَقْعُدُ يَدِيهِ إِذَا افْتَنَحَ الصَّلَاةُ وَعَنْدَ الرُّكُوعِ
وَعِنْدَ الْتَّغْيِيرِ وَمِنْهُ

Maksudnya: Bahawa Rasulullah SAW mengangkat kedua-dua tangannya apabila memulakan solat, sewaktu hendak rukuk dan semasa bangun dari rukuk

Imam Abu Hanifah menjawab:

حدثنا حَمَّادٌ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَلْقَمَةَ وَالْأَشْوَدَ عَنْ أَبْنِ مَسْعُودٍ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَرْجِعُ يَدَيْهِ إِلَّا عِنْدَ افْتِنَاحِ الْكَلَّاءِ...
...الكلاء

Maksudnya: Telah diceritakan kepada kami oleh Hammad daripada Ibrahim daripada 'Alqamah dan al-Aswad daripada Abdullah bin Mas'ud : Bahawa Rasulullah SAW tidak mengangkat kedua-dua tangannya melainkan ketika memulakan solat...

Iman al-Auza'i berkata, saya memberitahu hadith Rasulullah SAW yang mempunyai sanad *'alj*, iaitu sanad yang mempunyai hanya tiga orang rawi di antara saya dan Rasulullah SAW Tuan pula menyatakan sanad yang mempunyai empat orang rawi di antara tuan dan Rasulullah SAW iaitu sanad *nazil*. Lalu Imam Abu Hanifah memberi penjelasan bahawa Hammad lebih mendalami pengetahuan hukum-hakam daripada Zuhri. Ibrahim lebih banyak pengetahuan hukum-hakam daripada Salim. 'Alqamah tidak kurang fahamannya daripada Abdullah bin Umar. Abdullah bin Umar juga memperolehi keutamaan menjadi sahabat. 'Alqamah pula mempunyai keutamaan yang lain, manakala Abdullah bin Mas'ud mendalami fahaman hukum hakam lebih daripada Abdullah bin Umar. Lalu imam al-Auza'i pun

.diam

(ابن العربي، محققاً : Petikan perbahasan antara Imam al-Auza'i dan Imam Abu Hanifah) (الكتاب، مكتبة في التشريع، مصطفى السباعي، السنة)

Imam Ibnu al-Arabi menulis dalam syarah Tirmizi iaitu: **بَاهْوَاهُ عَارِضُهُ الْأَخْوَذِي**: bahawa apabila berlaku bertentangan di antara Abdullah bin Umar dan Abdullah bin Mas'ud maka Abdullah bin Mas'ud akan *ditarjihkan* (diutamakan).

Daripada perbahasan dua tokoh terkenal tersebut didapati mereka mempunyai cara *tarjih* mereka tersendiri iaitu:

- 1) Imam al-Auza'i dan al-Syafi'iyyah memberi keutamaan pada rantai rawi yang tidak ramai.

- 2) Imam Abu Hanifah pula mengutamakan rantai rawi yang mempunyai para perawi yang lebih mendalami hukum-hakam, walaupun perantaiannya itu diisi dengan perawi yang ramai.

Begitu juga ulama' Hanafiyah mengutamakan hadith yang mempunyai isi kandungan yang selaras dengan lafaz al-Quran walaupun riwayat itu tidak sepatutnya diutamakan kerana sanadnya tidak kuat dan tidak tinggi. Disebabkan kebanyakan hadith-hadith diriwayatkan dengan makna, maka amat ketara lafaz-lafaz hadith itu bukan daripada Rasulullah SAW. Justeru itu, akan diutamakan riwayat yang mempunyai isi kandungan hadith yang paling hampir dengan lafaz al-Quran ketika wujud perselisihan di antara beberapa riwayat.

Oleh itulah golongan Hanafiyah mengutamakan riwayat yang tidak mengangkat tangan semasa hendak rukuk dan bangun dari rukuk itu berbanding dengan riwayat yang menyatakan angkat tangan, kerana amalan tidak mengangkat tangan itu lebih menghampiri dengan lafaz al-Quran:

حافظوا على الصّلوات والصلوة الوشطى وثُمُّوا لله قاتين

Maksudnya: Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardhu, khasnya sembahyang wusthaa (sembahyang Asar) dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.
(Al-Baqarah : 238)

Menurut pendapat yang utama (*qaul rajih*) makna bagi فاتيئن (mereka yang mempunyai ketenangan) adalah dalil hendak menyatakan bahawa pada peringkat awal dibenarkan bercakap ketika sembahyang, kemudian perlahan-lahan berpindah kepada ketenangan dan larang dari bercakap. Maka setiap riwayat yang menghampiri kepada maksud ketenangan sentiasa akan diutamakan, apabila riwayat tersebut bercanggah dengan riwayat yang lain.

Lantaran itu, di sisi ulama' Hanafiyah akan diutamakan riwayat tidak membaca surah al-Fatihah di belakang imam, disebabkan riwayat tersebut amat menghampiri dengan ayat:

وَإِذَا قِرِئَ الْقُرْآنُ فَأَشْتَعِنُوْا لَهُ وَأَنْصِبُوْا لَعَلَّمُ تَرْحُمُونَ

Maksudnya: Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarkanlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya) supaya kamu diberi rahmat.
(Al-A'raf : 204)

Riwayat ini bercanggah dengan pendapat lain yang menyatakan wajib membaca surah al-Fatihah di belakang imam.

Begitu juga di sisi ulama' Hanafiyah, riwayat-riwayat yang membolehkan *mentakhir* waktu sembahyang bagi waktu Subuh dan Asar itu lebih diutamakan kerana maksud daripada riwayat-riwayat itu amat menghampiri dengan ayat:

وَسَيِّدُ الْجَمَائِلِ مُحَمَّدُ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا

Maksudnya: Dan beribadahlah dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya (Thoha : 130)

Waktu terdekat dengan terbit dan terbenam matahari itu dikira waktu sebelum terbit dan terbenam matahari. Waktu tiga atau empat jam dahulu daripada terbit dan terbenam matahari itu tidak dikira waktu sebelum terbit dan terbenam matahari.

- 3) Imam Malik pula mengutamakan riwayat yang sejajar dengan amalan penduduk Madinah sewaktu berlaku percanggahan di antara riwayat-riwayat. Beliau memilih berpegang kepada amalan penduduk Madinah kerana Madinah adalah tempat tinggal Rasulullah SAW, khalifah-khalifahnya, anak-anak para sahabat, ahli keluarga Rasulullah SAW dan merupakan tempat penurunan wahyu. Maka penduduknya lebih mengetahui tentang pengertian wahyu. Oleh itu setiap hadith atau *athar* yang berlawanan dengan amalan mereka, maka pasti ianya dimansukahkan (dibatalkan hukum beramal) atau ditakwil atau ditakhsis (dikhususkan dengan sesuatu yang lain) atau tidak disebutkan cerita sebenar hadith atau *athar* tersebut. Justeru, itu tidak boleh diambilkira dengannya.

Ibnu al-Arabi al-Maliki mengutarakan satu usul imam Malik dalam kitab *'Aridhah al-Ahwazi*, bahawa apabila sesebuah hadith menjadi masyhur di sisi penduduk Madinah maka tidak perlu menyelidik sanad hadith itu dan akan ditinggalkan hadith yang bercanggah dengan amalan penduduk Madinah itu. Oleh kerana itu, imam Ibnu al-Qaiyim berkata:

وَمِنْ أُصُولِ مَالِكٍ إِتْبَاعُ عَمَلِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ وَإِنْ خَالَفَ الْخَدِيدَ

Maksudnya: Di antara dasar-dasar imam Malik ialah menuruti amalan penduduk Madinah walaupun amalan mereka itu bersalah dengan hadith

(بيان الغوان، ابن قيم الجوزي، ج 4 : 23)

Sepatutnya mereka mengemukakan kaedah-kaedah *tarjih* di atas, ketika menemui ijihad imam itu bercanggah dengan mana-mana hadith supaya umat Islam faham maksud sebenar dan tidak sangka buruk terhadap mana-mana imam *mujtahid*. Yang anehnya apabila mereka tidak mampu menghuraikan perkara-perkara sedemikian itu maka mereka berkata sambil menyembunyikan kebodohan

mereka “tinggal ijihad imam dan ikut hadith”, itulah kekeliruan yang berlaku sekarang.

Jikalau kita meneliti pandangan tokoh yang sering menjadi rujukan utama bagi mereka maka akan didapati pandangan tokoh bernama imam Ibnu Taimiyah itu bercanggah dengan slogan mereka.

Imam Ibnu Taimiyah pula menukilkan dalam kitabnya *رَفِيقُ الْمُلَامِ عَنِ الْأَئِمَّةِ الْأَعَلَامِ* iaitu sebuah kitab yang menerangkan sebab-sebab berlakunya perselisihan di antara fuqaha. Apabila anda menemui keadaan-keadaan seperti tersebut di atas, fahamilah bahawa imam itu mesti mempunyai tiga keuzuran atau sebab-sebab tersendiri mengenai meninggalkan hadith (tidak beramat) walaupun hadith itu sahih. Tiga keuzuran itu ialah:-

- | | |
|---------|--|
| Pertama | : Imam kurang yakin bahawa Nabi SAW pernah bersabda akan hadith itu. (Mungkin nabi tidak bersabda begitu). |
| Kedua | : Imam tidak menganggap bahawa sabdaan demikian itu menghendaki hukum tersebut. (Sabdaan Rasulullah SAW tidak mendorong ke arah mengeluarkan hukum itu). |
| Ketiga | : Imam menganggap bahawa hukum yang dikeluarkan dari hadith itu sudah dibatalkan (<i>mansukh</i>). |

Bagi mereka yang ingin beramat terus dengan hadith tanpa mengikuti mananya pandangan imam, semestinya meneliti dan mengambil kira secara halus terhadap semua perkara tersebut sehingga sampai tahap kedudukan yang mampu menyelesaikan atau *mentarjihkan* riwayat yang merangkumi banyak usul *tarjih* semasa menemui riwayat-riwayat yang bercanggah.

Muhaddithin muktabar yang bijak dalam mensyarahkan kitab-kitab hadith, sudi menerima dan mengikuti ijihad imam mazhab tanpa rasa angkuh diri, antaranya ialah:-

- i. Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani pengarang *Fath al-Bari Syarh al-Bukhari* mengikuti ijihad Imam Syafie.
- ii. Imam Badruddin 'Aini pengarang *Umdah al-Qari Syarh al-Bukhari* mengikuti ijihad Imam Ibnu Hanifah.
- iii. Imam Nawawi Pengarang *Syarh Sahih Muslim* mengikuti ijihad Imam Syafie.

- iv. Imam Ibnu Al-Arabi pengarang Kitab 'Aridah al-Ahwazi bi Syarh Sahih al-Tirmizi mengikuti ijihad Imam Malik.

Anehnya mereka hanya pandai menterjemahkan al-Quran dan al-Hadith sahaja dan yang tidak pernah belajar ilmu hadith secara *talaqqi musyafahah* dengan guru hadith benar-benar memahami ilmu hadith itu dan tidak mahu mengikuti ijihad imam. Akan tetapi kami dapat mereka mengikuti Imam Ibnu Taimiyah, Imam Ibnu Al-Qaiyim, Muhammad Bin Abdul Wahab, Salih Utahaimin, Bin Baz dan Albani.

Apakah semua ini? Mereka membina ilmu hadith ataupun merobohnya? Adakah mereka beramat dengan hadith atau mencari jalan menolak hadith? Ulama dahulu berusaha supaya boleh beramat dengan hadith dhaif sambil meningkatkan darjat hadith dhaif itu kepada darjat hasan *lighairihi* yang layak beramat dan berhujah dalam hukum hakam, sebaliknya mereka pula berusaha menurunkan hasan *lighairihi* ke tahap hadith *dhaif*, *dhaif* kepada *dhaif jiddan*, *dhaif jiddan* kepada *maudhu'*. Inilah hasil usaha daripada mereka.

Mereka keliru juga dalam bidang hadith *maudhu'* dengan semangat tinggi mereka. Mereka *memaudhu'kan* banyak hadith hasan dan dhaif yang mana ulama' dahulu sudah pun menilai sebagai hasan atau dhaif dan seterusnya mereka (ulama') beramat juga dengan hadith-hadith itu. Amalan-amalan itu dikira salah di sisi mereka yang keliru dalam bidang hadith disebabkan mereka cenderung kepada penentuan darjat hadith daripada *muhaddithin* yang mempunyai sikap terlalu keras menentukan sesebuah hadith sebagai hadith *maudhu'* seperti Imam Ibnu Al-Jauzi.

Ulama *muhaddithin* sepakat menyuarakan bahawa Imam Ibnu Al-Jauzi adalah seorang *muhaddith* yang amat keras menentukan hadith sebagai hadith *maudhu'*. Sikap keras beliau mendorongnya supaya menentukan sesetengah hadith hasan dan dhaif sebagai hadith *maudhu'*, sehinggakan beliau *memaudhu'kan* sebuah hadith al-Bukhari yang diriwayat oleh Hammad bin Syakir, dua puluh tiga buah hadith Tirmizi dan sebahagian besar hadith-hadith dalam kitab Musnad Ahmad. Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani terpaksa menjawab dan menolak penentuan keras Imam Ibnu Al-Jauzi itu.

Ibnu Iraq menghimpunkan serta mengkaji secara terperinci setiap hadith yang dikemukakan sebagai *maudhu'* oleh beberapa tokoh iaitu:-

- 1- Ibnu Al-Jauzi (ابن الجوزي)
- 2- Juzqani (جوزقاني)
- 3- 'Uqaili (عقيلي)
- 4- Ibnu 'Adi (ابن عدي)

- 5- Hafiz Ibnu Hajar (حافظ أئن حجر)
- 6- 'Allamah As-Suyuthi (عَلَّامَةُ السُّعُودِيُّ)
- 7- 'Ali Al-Qari (علي القاري)

Dan beliau memilih hadith-hadith yang benar-benar menjadi *maudhu'* yang disepakati oleh jumhur *muhaddithin* muktabar lagi *mu'tadil* sahaja untuk diisi di dalam kitabnya yang bernama: تَنْزِيهُ الْسَّيِّدَةِ الْمَرْفُوعَةِ عَنِ الْأَخَادِيثِ الشَّنِيعَةِ الْمُوْضُوَّةِ.

Inilah sebuah kitab hadith yang lengkap dan sudah dikaji secara halus dan terperinci serta disambut baik oleh para ulama *muhaddithin* sedunia mengenai hadith *maudhu'*. Oleh itu kita perlu mengambil kira perselisihan pendapat ulama *muhaddithin* dalam bab menentukan hadith sebagai hadith *maudu'*, contohnya:

اللَّهُمَّ تَوَفِّي إِلَيْكَ فَقِيرًا وَلَا تَوَفِّي عَيْنًا وَأَخْسِنْيَ فِي زُفْرَةِ الْمُسَاكِينِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Ya Allah, wafatkan aku apabila berjumpa dengan Engkau sebagai orang yang fakir dan janganlah wafatkan aku sebagai orang yang kaya, serta hidupkanlah aku dalam golongan orang-orang miskin di hari akhirat

Al-Hakim mengeluarkan dalam kitab *al-Mustadrak* dengan tambahan sedikit lafadz hadith dan ia berkata *sanad* hadith ini sahih. Imam at-Thabarani juga meriwayatkannya daripada 'Ubada bin As-Samit dengan sanad di mana perawinya *thiqah* (yang dipercayai) dengan adanya beberapa jalan periwayatan bagi hadith tersebut. Menghukumkan dengan sewenang-wenangnya hadith itu sebagai *maudhu'* dianggap melampau. Maka dakwaan *maudhu'* oleh Ibnu Al-Jauzi dan Ibnu Taimiyah mengenai hadith tersebut ditolak sama sekali.

Dijawab oleh Ibnu Hajar al-Haitami dalam kitabnya *Tuhfah* berkenaan dengan maksud kemiskinan dalam hadith tersebut sambil menyatakan darjat hadith. Beliau berkata bahawa sesungguhnya hadith itu *dhaif* dan bertentangan dengan hadith yang meminta perlindungan dari kemiskinan, kemudian beliau *menta'wilkan* makna meminta kemiskinan itu kepada makna meminta ketenangan hati. Syaikhul Islam Zakaria Al-Ansari r.h pula berkata bahawa maksud sebenar bagi meminta kemiskinan dalam hadith tersebut ialah meminta merendah diri supaya tidak tergolong ke dalam golongan orang-orang kaya yang mempunyai sikap bongkak diri.

(كتف الخفاء وزميل الإلابس عما اشتهر من الأحاديث على النساء، ج: 1 (207)

Berdasarkan perselisihan pendapat mengenai sesetengah hadith *maudhu'* seperti yang disebut sebelum ini, maka janganlah tergesa-gesa memaudhukan hadith. Bahkan perlu meneliti secara halus supaya dapat memastikan dengan tepat yang mana *maudhu'* dan tidak *maudhu'*.

JANGAN MUDAH MENGHUKUM

Imam Jalaluddin as-Suyuti berkata di dalam kitabnya: الْدُّرُرُ الْمُسْتَهْرِرُ فِي الْأَحَادِيثِ الْمُسْتَهْرِرَةِ :

"كَذِبٌ مُؤْضِعٌ بِالْأَنْقَافِ"

Maksudnya: Hadith ini merupakan satu pembohongan dan rekaan dan perkara ini disepakati ulama

terhadap hadith berikut:

لَمَا خَلَقَ اللَّهُ الْعَقْلَ قَالَ لَهُ: أَقِلْ فَأَقْبِلَ، ثُمَّ قَالَ لَهُ: أَدْبِرْ فَأَدْبِرَ، قَالَ: مَا خَلَقْتُ خَلَقًا أَشْرَفَ مِنْكَ فِيلَكَ آخِذٌ وَبِكَ أَعْطِي

Maksudnya: Tatkala Allah SWT menciptakan akal, Allah SWT berfirman (memerintahkan) kepadanya: Majulah ke hadapan atau hadaplah engkau, maka ia (akal) terus maju. Kemudian Allah SWT berfirman lagi: Pusing ke belakang atau undurlah engkau, maka ia (akal) pun terus undur. Kemudian Allah SWT berfirman: Aku tidak menciptakan suatu ciptaan yang lebih mulia daripada engkau. Maka melalui engkaulah Aku akan mengambil (tindakan) dan memberi (pemberian)

Imam al-Zarkasyi r.h juga, menurut pendapat Imam Ibnu Taimiyah r.h beliau berkata hadith tersebut لا أصل له (tidak menerima punca datangnya hadith tersebut).

Manakala Imam Muhaqqiq Abdul Haiyi Lakhnawi al-Hindi r.h berkata dalam kitabnya *Al-Ajwibah Al-Fadhilah* :

وَقَدْ وَجَدْتُ لَهُ أَصْلًا صَالِحًا أَخْرَجَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَحْمَدَ فِي رَوَايَةِ الْكُرْهَدِ

Maksudnya: Aku telah menemui punca yang begitu elok datangnya hadith tersebut yang dikeluarkannya oleh Abdullah bin Ahmad (bin Hambal) di dalam kitabnya Zawaid Al-Zuhd

PERHATIAN

Di kalangan *muhaddithin* terdapat sekumpulan yang terlalu keras menentukan *maudhu'* terhadap hadith hasan dan *dhaif*, antaranya:

- 1) : Beliau menuduh Imam Al-Tirmizi memuatkan tujuh belas buah hadith *maudhu'* di dalam kitabnya, *Sunan Al-Tirmizi* dan Ibnu Hajar mempertahankan hadith-hadith itu sebagai hadith hasan dan *dhaif*.

- 2) (أَئِنْ تَيَمَّمَةً) : Beliau menjadikan sesetengah hadith hasan dan kebanyakan hadith *dhaif* sebagai hadith *maudhu'* dan beliau menurut Ibnu Al-Jauzi.
- 3) (الْكُشَفَاتِيُّ) : Beliau juga terkenal sebagai yang terlalu keras menentukan *maudhu'* terhadap hadith-hadith hasan dan *dhaif*.
- 4) (الْسَّيْوَحِيُّ) : Beliau dikenali sebagai yang mempermudahkan pada kajian hadith.
- 5) (الْجُزُّقَانِيُّ) : Beliau menghukum *maudhu'* terhadap banyak hadith. Hafiz Ibnu Hajar r.h berkata itu adalah satu kesalahan yang dilakukan oleh beliau.
- 6) (أَئِنْ جِنَانَ) : Beliau dianggap melampau dalam mengkritik para perawi hadith sehingga beliau sanggup mencacatkan rawi-rawi yang dipercayai, seolah-olah beliau tidak sedar apa yang keluar dari fikirannya.

'Allamah Ibnu Iraq menghimpunkan dan mengkaji secara halus setiap hadith yang dikeluarkan sebagai *maudhu'* oleh mereka. Beliau juga memilih hadith-hadith yang benar-benar menjadi *maudhu'* yang disepakati oleh jumhur *muhaddithin* muktabar lagi *muktadil* iaitu mereka yang mempunyai sikap sederhana dalam menentukan hadith sebagai *maudhu'* sahaja dan menghimpunkan dalam kitabnya:

تَبَثِّيَةُ الشَّرِيعَةِ الْمَرْفُوعَةِ مِنَ الْأَخْبَارِ الشَّنِيعَةِ الْمَوْضُوعَةِ. Inilah sebuah kitab hadith yang lengkap serta telah dikaji secara halusi dan disambut baik oleh para ulama *muhaddithin* sedunia mengenai hadith *maudhu'*.

Untuk mengelak dari fitnah janganlah menyebarkan hadith-hadith *maudhu'* oleh *muhaddithin* yang memudahkan dalam menentukan hadith sebagai *maudhu'* dan semaklah terlebih dahulu dengan teliti sebelum menyebarkannya, melalui kitab hadith *maudhu'* muktabar oleh Imam Ibnu Iraq.

Mereka mengambil fahaman *mafhum mukhalafah*, hadith: اختلاف أمتى رحمة (perselisihan bagi umatku adalah rahmat) iaitu: اتفاق أمتى عذاب (bersatunya umatku itu merupakan azab) dan seterusnya mereka menghukum hadith: اختلاف أمتى رحمة itu sebagai hadith *maudhu'*. Jika benar pengambilan maksud begitu kenapa pula mereka tidak mengambil *mafhum mukhalafah* dengan hadith: من حدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو مردود (sesiapa mereka cipta sesuatu dalam urusan agama kami yang ianya bukan dari

agama maka ia ditolak). Mafhum muhkalfah bagi hadith ini ialah: من حدث في أمرنا هذا ما هو منه فهو مقبول (sesiapa mereka cipta dalam urusan agama kami yang ianya berasal dari agama maka ia diterima). Maka urusan agama yang baharu yang ada kaitan dengan mana-mana dasar agama diterima walaupun urusan itu tidak wujud di zaman Rasulullah SAW dan Baginda tidak melakukan amalan tersebut.

Allah SWT memerintahkan supaya menghindari dari amalan yang dilarang oleh Rasulullah SAW seperti firman-Nya:

وَمَا آتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ قَاتِلُوهُ

*Maksudnya: Dan apa yang dibawa oleh Rasul kepada kamu, maka terimalah (laksanakan) dan apa sahaja yang dilarangnya bagi kamu, maka tinggalkanlah".
(al-Hasyr : 7)*

Ayat ini menegaskan bahawa kita hendaklah meninggalkan amalan yang dilarang oleh Rasulullah SAW dan bukanlah Allah SWT memerintahkan supaya meninggalkan amalan yang Nabi SAW tidak lakukan. Manakala amalan yang dilarang itu pun terbahagi kepada haram, *makruh tahrim* dan *makruh tanzih* yang menjadi sebahagian dari harus. Sebaliknya mereka menyatakan bahawa amalan yang Nabi SAW tidak lakukan itu adalah *bid'ah dhalalah* dan mereka tidak menerima *bid'ah hasanah* yang diakui oleh imam-imam terdahulu termasuklah Imam Syafie yang telah membahagikan bid'ah kepada dua bahagian iaitu:

- i. *Bid'ah hasanah* iaitu amalan baharu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.
- ii. *Bid'ah dhalalah* iaitu amalan baharu yang bercanggah dengan hukum syarak.

Mereka keliru dengan membida'ahkan banyak amalan umat Islam dengan mengambil maksud zahir hadith كل محدثة بدعة tanpa mengambil kira hadith:

عَنْ خَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ شَرِفَ فِي الْإِسْلَامِ شَرَفَهُ حَسَنَةٌ فَقُولِيْلَهُ بَعْدَهُ كُثُبَتْ لَهُ مِثْلُ أَخْرِيْرِ مَنْ عَمِلَهُ، وَلَا يَنْفَضُ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئٌ

Maksudnya: Daripada Jarir bin Abdillah r.a ia berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa yang mengadakan sunnah (cara) yang baik dalam Islam dan ia turut diamalkan selepasnya, akan ditulis baginya pahala seumpama pahala orang yang mengamalkannya dan tidak dikurangkan sedikit pun akan pahala mereka itu. (Riwayat Muslim)

Sesuatu yang baik dan yang disokong oleh dalil-dalil syarak serta amalananya tidak menyalahi syariat dan tidak mempunyai unsur-unsur mungkar adalah sah dari segi agama dan dianggap *sunnah hasanah* (cara yang direhui Allah).

Sambutan Maulidur Rasul umpamanya yang mengandungi acara *ijtima'*, zikir, sedekah, puji-pujian dan berselawat kepada Rasulullah SAW, memuliakan aspek-aspek kenabian, tentunya ia adalah satu sunnah hasanah (*tariqah mardhiah*). Ini merupakan perkara-perkara yang dituntut oleh syarak dan dipuji. Bahkan banyak *athar* yang utama menyuruh kita melukannya.

Faedah terbesar himpunan majlis-majlis seperti ini ialah:

- 1) Mengumpulkan orang ramai untuk mendengar tazkirah dan nasihat.
- 2) Mengalihkan tumpuan mereka ke arah berpegang teguh dengan kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW.

Imam Nawawi berkata dalam kitabnya syarah Sahih Muslim sebagai mengulas terhadap hadith tersebut:

Hadith ini memberi galakan supaya mengadakan perkara-perkara atau amalan-amalan baik dan sunnah hasanah dan mengancam daripada menciptakan amalan-amalan batil lagi buruk. Dan hadith ini mengkhususkan makna umum yang terkandung pada hadith كل محدثة بادعه وكل بادعة خالمة ينكر ما ينكرها : yang maksudnya :

setiap perkara baharu ialah bidaah dan setiap bidaah adalah sesat.

Maka maksud umum setiap perkara baharu dalam hadith ini adalah dikhurasukan dengan makna : المحدثات الباطلة والبداع الممنوعة perkara-perkara

yang batil dan rekaan-rekaan yang tercela

Sekiranya menyebarkan ilmu hadith mengikut fahaman sebenar yang dipegang oleh fuqaha' mujtahidin dan jumhur *muhadithin* yang mempunyai sikap sederhana dalam bab menentukan hadith sebagai hadith *maudhu'*, insya Allah tidak akan wujud perselisihan, pertelingkahan dan pergaduhan di kalangan umat Islam, bahkan umat Islam akan menikmati ketenangan jiwa, keharmonian dalam masyarakat, keselesaan melaksanakan amal ibadat dan mampu mengeratkan ukhuwah di kalangan umat Islam.

Untuk mendapat fahaman sebenar, perlulah mempelajari enam buah kitab hadith dan beberapa kitab hadith yang penting. Dengan itu, seseorang akan memperolehi kepintaran atau ketajaman fikiran terhadap riwayat-riwayat yang merupakan dasar agama dan memadai bagi segala urusan keagamaan. Seterusnya dia akan melihat dengan jelas kebenaran dalil imam-imam mazhab. Jikalau seseorang itu tidak mempelajari hadith mengikut tradisi *muhaddithin*, dia akan

mengalami kecelaruan fikiran sehingga dia menganggap ijtihad-ijtihad daripada imam-imam mujtahidin itu tidak menepati dengan hadith.

Seseorang yang menceburi bidang hadith dengan cara yang betul, semakin lama ia belajar dan mengajar hadith, semakin nampak kebenaran imam empat mazhab dan tidak akan mengalami kecelaruan fikiran serta tidak akan membawa sikap biadab dengan imam-imam mujtahidin. Maka tidak memadai dengan hanya pandai menyebut "Hadith ini sahih, hadith itu dhaif, hadith ini hasan dan hadith itu maudhu".

Apabila Rasulullah SAW muncul sebagai Nabi di kalangan arab jahiliah maka Nabi SAW mampu mengubahkan masyarakat jahiliah ke arah masyarakat yang dihormati dan juga mempersaudarakan kumpulan *aus* dan *khazraj* yang bertahun-tahun bermusuh, melalui perkataan, perbuatan dan nilai-nilai peribadi yang mulia. Kenapa pula mereka yang meninggikan slogan beramal dengan al-Quran dan as-Sunnah apabila berhadapan dengan masyarakat umat Islam, masyarakat itu menjadi mangsa perpecahan dan pergaduhan.

Umat Islam kini gemar saling menyalahi, kafir mengkafir dan bunuh membunuh sesama sendiri berpunca salah erti dengan agama tanpa meneliti terlebih dahulu sebelum menerima. Ini semua berpunca daripada tidak mengikuti fahaman sebenar yang diwarisi daripada *muhadithin* muktabar beraliran ahli sunnah bukan *mujassimah*. Maka perlu bagi mereka menyemak diri sendiri sebelum menyebarkan hadith. Sedarilah diri kamu bukan *muhadithin*, serahkan tugas ini kepada yang ahli.

Lantaran itu umat Islam kini perlu berusaha untuk melahirkan;

- (1) 'Alim ulama' yang mampu menyelamatkan umat Islam daripada akidah-akidah yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan dalam masa yang sama mereka mampu menolak akidah-akidah yang rosak seperti *Mujassimah*, Syiah, Muktazilah, Khawarij dan sebagainya yang sedang melanda ke atas umat Islam kini.
- (2) 'Alim ulama' yang mampu menerajui umat Islam di atas landasan al-Quran dan al-Hadith di samping memimpin umat ke arah membentuk akhlak yang mulia menerusi *uswah hasanah* Rasulullah SAW.
- (3) 'Alim ulama' yang mempunyai kepakaran dalam usaha mencantumkan semua lapisan masyarakat dan mampu mengawal masyarakat Islam dari berpecahbelah.

اللَّهُمَّ افْتَحْ لَنَا فُلُوْبَنَا فِي طَلْبِ الْعِلْمِ وَأَرْزُقْنَا أَلْخَلَاصَ نِبَيْهُ وَالْعَمَلَ بِهِ وَأَسْتَشِرْ بِهِ حَقَّيْ يَأْتِنَا أَلْيَقِيْنُ.

Maksudnya : "Ya Allah! Bukalah hati kami supaya dapat menerima ilmu dan kurniakanlah kepada kami keikhlasan dalam mencari ilmu dan mengamalkannya serta menyebarkannya sehingga sampai ke akhir hayat kami".

وَعَايِزُ دُعْوَةِ اتَّاَنْ أَنْ تُمْهِدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

